

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

SPU314 - Politik Antarabangsa dan Kerjasama Serantau/
SPU404 - Seminar Perhubungan Antarabangsa

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Arahan: Jawab LIMA (5) daripada enam soalan di bawah. Setiap soalan adalah bernilai 20 markah. Markah penuh bagi peperiksaan akhir ini ialah 100 markah.

1. Berikan definisi konflik. Huraikan pengertian konflik dengan menggunakan segitiga konflik dan perhubungan di antara faktor-faktor segitiga konflik itu seperti yang dilakukan oleh Christopher Mitchell. Berikan satu contoh konflik yang berlaku di rantau Asia Tenggara untuk menjelaskan huraian anda.
2. Apakah yang dimaksudkan dengan pengurusan konflik? Bincangkan jawapan anda dengan mengaitkan teknik-teknik pengurusan konflik dengan peringkat-peringkat konflik. Berikan perkara-perkara yang boleh mendorong kepada pengurusan konflik yang baik di peringkat awal mengikut pandangan Hugh Miall.
3. Berikan definisi konsep pengamanan (peacekeeping). Banding dan bezakan di antara pengamanan dengan perdamaian (peacemaking) dan juga pembinaan keamanan (peace building).

...2/-

4. Bincangkan proses penyelesaian konflik dan juga peranan peta konflik di dalam proses ini. Apakah perkara-perkara yang boleh menjadi penghalang kepada penyelesaian konflik yang baik? Apakah proses “musyawarah” dan bagaimanakah ianya membantu di dalam pengurusan konflik?
5. Apakah perbezaan di antara konflik-konflik dunia semasa perang dingin dengan konflik-konflik pasca perang dingin mengikut Mark Hoffman? Apakah peranan-peranan campurtangan pihak ketiga yang utama mengikut beliau dan apakah perbezaan-perbezaan di antara kedua-dua era ini? Bagaimana pula dengan peranan ASEAN di dalam era pasca perang dingin ini?
6. Bagaimanakah pengurusan konflik dilakukan di rantau Asia Tenggara? Bincangkan peranan ASEAN dan langkah-langkah yang telah diambil olehnya untuk mewujudkan kawasan yang stabil dan aman. Apakah perbezaan di antara konflik pembentukan negara dengan konflik revolusioner? Jelaskan dengan memberikan contoh-contoh yang relevan.

- oo o0o oo -